

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 FEBRUARY 2017

Pas perlu berhati-hati 'mainan' politik Kit Siang, Dr. M – Tunku Abdul Aziz

UM
- 1/2/2017

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Pemimpin Pas dinasihatkan berhati-hati dengan permainan politik Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini menagih kerjasama dengan parti itu.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim berkata, ini kerana Kit Siang dan Dr. Mahathir sudah terdesak untuk meneruskan kesinambungan politik masing-masing.

“Dr. Mahathir dan Kit Siang bersedia untuk melakukan apa sahaja bagi mencapai matlamat politik mereka.

“Hubungan dengan mereka berdua sama ada bersifat politik atau peribadi tidak akan kekal lama jika bersandarkan kepada kepentingan masing-masing,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.


DAP dilihat cuba mendapatkan bantuan daripada Pas bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) apabila Kit Siang menawarkan ‘salam perdamaian’ kepada Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Dr. Mahathir pula walaupun pada mulanya memilih untuk melupakan pakatan dengan Pas tetapi membuat pusingan U apabila menyatakan kerjasama antara PPBM dan Pas masih belum berakhir malah pada 2 Februari ini kedua-dua parti itu dikatakan akan mengadakan satu pertemuan.

Menurut Tunku Abdul Aziz, berdasarkan pemerhatiannya, hubungan antara Pas, PPBM dan DAP akan berkecai apabila Dr. Ma



DR. Mahathir Mohamad bersama Lim Kit Siang dalam sidang media pada Persidangan Parti DAP 2016 di Shah Alam.


Hubungan dengan mereka berdua sama ada bersifat politik atau peribadi tidak akan kekal lama jika bersandarkan kepada kepentingan masing-masing.”

TUNKU ABDUL AZIZ
TUNKU IBRAHIM
Bekas Naib Pengerusi DAP

hathir dan Kit Siang telah mencapai apa yang mereka berdua inginkan.

“Pas pernah jatuh di dalam perangkap DAP, takkan bila kita digigit sekali kita akan biarkan diri kita digigit untuk kali kedua,” jelasnya.

Dalam pada itu, Tunku Aziz berkata, DAP menggunakan alasan untuk menyelamatkan Malaysia daripada pemimpin kleptokrasi bagi menjalinkan hubungan kembali dengan Pas.

“DAP sebenarnya hanya mahu sokongan daripada orang Melayu, Pas boleh menyelamatkan Malaysia tanpa menyokong DAP.

“DAP ingin menyelamatkan Malaysia daripada siapa? Adakah daripada Dr. Mahathir, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau Kit Siang sendiri kerana kita tahu ketiga-tiganya ingin membentuk dinasti politik masing-masing,” ujarnya.

Sementara itu, beliau juga mahu rakyat menilai sendiri tindak tanduk pemimpin DAP yang dikatakan anti-Islam terutama Kit Siang yang menentang cadangan pindaan Rang Undang-Undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah 1965) (Akta 355).